

# Fasa pembangunan projek KL Metropolis berjalan lancar

**Komponen** runcit pertama bagi pembangunan hartanah bercampur KL Metropolis, MET Galleria kini memasuki 10 hingga 15 peratus fasa pembinaannya dan dijangka siap pada separuh pertama 2021.

Projek membabitkan nilai pembangunan kasar (GDV) berjumlah RM160 juta itu adalah sebahagian daripada fasa pembinaan bagi presint KL Metropolis, iaitu MET 1 yang mana membabitkan nilai keseluruhan GDV sebanyak RM1.3 bilion.

Pembangunan mega, KL Metropolis dengan nilai keseluruhan GDV berjumlah RM20 bilion terbahagi kepada lapan presint iaitu MET 1, MET 2, MET 3, MET 5, MET 6, MET 7, MET 8 and MET 9.

Pengarah Eksekutif dan Ketua Pegawai Operasi Naza TTDI Sdn Bhd (Naza TTDI), Datuk Idzham Mohd Hashim, berkata MET Galleria adalah pusat membeli-belah dua tingkat yang mempunyai reka bentuk moden dengan keluasan lebih 80,000 kaki persegi.

"Kami yakin projek berkenaan masih mendapat permintaan meskipun pasaran kini berdepan lebih penawaran bagi projek komersial berikutan lokasi pembangunan yang strategik serta mem-

punyai pulangan pelaburan jangka panjang," katanya ketika ditemui, baru-baru ini.

Selain itu, Idzham berkata, sebuah lagi pembangunan komersial, Menara Pejabat Korporat MET kini dalam pembinaan.

"Projek itu dibangunkan Triterera Metropolis Sdn Bhd yang terdiri daripada dua menara pejabat korporat Gred A pertama di KL Metropolis, masing-masing 30 dan 42 tingkat," katanya.

Ditanya perancangan fasa pembangunan bagi KL Metropolis seterusnya, beliau berkata, MET 5 dijangka akan dilancarkan tidak lama lagi, manakala MET 3 dijadualkan pada 2020.

## Fokus tiga aspek

Sementara itu, mengulas mengenai pasaran hartanah di Malaysia dijangka terus kekal kukuh pada masa depan dengan memfokuskan kepentingan kepada tiga aspek asas iaitu lokasi, harga dan perancangan yang tepat.

Idzham berkata, gabungan ketiga-tiga perkara asas itu membantu mengekalkan momentum pertumbuhan sektor hartanah pada masa depan."

"Kita mengakui dengan situasi sentimen sekarang ini sedikit sebanyak memberi kesan kepada pertumbuhan pasaran hartanah di Malaysia. Bagaimanapun, bagi sektor hartanah ia tidak memberikan masalah jika mengambil kira tiga aspek utama berkenaan.

"Jika kita mampu menyediakan unit yang mampu memberi pulangan nilai terbaik kepada pembeli, permintaan tetap akan ada," katanya.

Mengulas lanjut, Idzham berkata, Naza TTDI iaitu cabang hartanah bagi Naza Corporation Holdings Sdn Bhd masih merekodkan kadar pembelian baik pada masa ini.

"Contohnya, pelancaran menara pejabat sebelum ini mencatatkan 70 peratus kadar pembelian, unit residens berjumlah 75 peratus dan pembangunan pejabat kecil rumah pejabat (SOHO) merekodkan 85 peratus.

"Jadi bagi saya, ia (sektor hartanah) sepatutnya kembali kepada perkara asas (fundamental). Saya sendiri yakin dan percaya, perkara utama bagi pemangkin kepada pasaran hartanah ialah lokasi yang tepat," katanya.

[ FOTO MUHD ZAABA ZAKERIA/BH ]



Projek KL Metropolis.